

**TEKS UCAPAN**  
**YANG DIPERTUA MPSP**  
**MAJLIS PENYERAHAN POKOK DAN PASU BUNGA KEPADA  
PESERTA ANUGERAH SEKOLAH HIJAU 2013 DAERAH SPU**  
**DEWAN DATO HAJI AHMAD BADAWI**  
**27 JUN 2013 (KHAMIS)**

---

**Yang Berusaha Encik Tan Teik Huat**  
Pengurus Kilang Guppy Plastic Industries Sdn Bhd

**Yang Berusaha Ahli Majlis - Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Para Wartawan

Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

**Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh dan**  
**Salam Sejahtera**

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada En Tan Teik Huat dari Guppy Plastic Industries Sdn Bhd, tuan-tuan dan puan-puan kerana dapat meluangkan masa dan hadir sama ke Majlis Penyerahan Pokok Dan Pasu Bunga kepada peserta Anugerah Sekolah Hijau 2013 daerah SPU.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan,

Program Anugerah Sekolah Hijau bermula pada tahun 2010 dengan tujuan memberi pendekatan secara holistik bagi pengurusan alam sekitar dan menggalak penambahbaikan berterusan. Tumpuan perlu diberi kepada pengurangan sisa-sisa buangan, pemeliharaan sumber dan alam sekitar.

Pada tahun 2010, ia hanya disertai oleh 30 buah sekolah sahaja dan pada tahun 2011, sebanyak 36 buah sekolah menyertai program ini. Untuk tahun 2012, angka tersebut telah meningkat kepada 53 buah sekolah dimana ia merangkumi 33 buah sekolah rendah dan 20 buah sekolah menengah. Peningkatan ini menunjukkan semakin banyak sekolah yang mulai peka dan mengambil tindakan proaktif untuk memelihara dan memulihara alam sekitar kita. Untuk makluman hadirin semua, bagi tahun ini iaitu tahun 2013, sebanyak 80 sekolah akan menyertai Anugerah Sekolah Hijau. Dengan penyertaan daripada 80 buah sekolah ini, saya percaya tahap kebersihan di Seberang Perai akan bertambah baik kerana para pelajar bukan sahaja akan mempraktikkan kriteria-kriteria amalan hijau di sekolah tetapi juga dalam kehidupan seharian mereka.

Sambutan yang sangat menggalakkan ini memberi inspirasi kepada syarikat Guppy Plastic Industries Sdn Bhd untuk bersama-sama terlibat dalam program keceriaan sekolah dengan memberi sumbangan pasu bunga kepada sekolah-sekolah hijau. Setiap sekolah akan menerima 15 pasu beserta pokok bagi program ini. Sekolah-sekolah perlu menjaga

pokok yang diberi dengan baik dan markah akan diberikan semasa pengauditan dibuat ke sekolah-sekolah hijau. Penilaian Anugerah Sekolah Hijau merangkumi 10 kriteria iaitu: Amalan 3R, penggunaan sisa makan, penggunaan minyak masak terpakai, bahan pembersih, pengurangan beg plastik, tanam pokok, penjimatan tenaga, penjimatan air, kebersihan kawasan sekolah dan akitiviti lain yang kreatif dan berinovasi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Untuk makluman, dari bulan Januari hingga Jun 2013, sebanyak 22 buah sekolah telah mengambil bahagian dalam Bengkel Sekolah Hijau. Syabas saya ucapkan kepada sekolah yang giat aktif dalam pengumpulan bahan kitar semula. Harapan kita ialah sekolah dapat dijadikan pusat kitar semula bagi kawasan yang belum ada pusat berkenaan di komuniti. MPSP sedang berusaha untuk mewujudkan masyarakat berorientasikan 4R iaitu Rethink, Reduce, Reuse dan Recycle.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Apabila kita semakin maju, kita sebenarnya menjana lebih banyak sisa akibatnya tempat pelupusan sampah semakin penuh. Selain itu sisa-sisa makanan juga akan menjana gas metana yang mana 21 kali lebih bahaya dari gas CO<sub>2</sub>. Oleh itu, Program Zero Waste telah dilancarkan. Program ini dilancarkan untuk mendidik para pelajar menguruskan sampah yang

dijanakan dan barang-barang yang tidak digunakan lagi dikitar semula untuk mencapai sisa sifar. Sebanyak 32 buah sekolah telah bersetuju untuk menyertai program yang sedang dalam pelaksanaan ini. Program ini bukan sahaja boleh dipraktikkan oleh para pelajar sahaja tetapi pengusaha kantin sekolah juga boleh memproses sisa-sisa makanan untuk dijadikan baja dengan bantuan para pelajar. Banyak sekolah telah mengadakan kempen makan sampai habis. Ini selari dengan tema Hari Alam Sekitar Sedunia tahun ini iaitu 'Think, Eat, Save"- Reduce your food print- slashing food waste. Menurut laporan FAO/UNEP, 1/3 daripada makanan dibazirkan ke dalam tong sampah oleh pengguna. Di sini, saya menyeru agar kita bersama-sama mengurangkan pembaziran makanan, Think Global, Act Local bagi mencapai pengurangan 'Global Warming'.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebagai PBT yang perihatin, MPSP mengambil langkah untuk melaksanakan 4R bagi pengurusan sisa secara bersepadu iaitu kempen menjadikan sisa sebagai sumber. Pencapaian kadar kitar semula pada masa ini ialah 32%. Dengan adanya Anugerah Sekolah Hijau dan Program Sisa Sifar yang seumpama ini maka diharapkan MPSP akan dapat meningkatkan lagi interaksi dan kesedaran dikalangan pelajar-pelajar sekolah mengenai kepentingan menjaga alam sekitar serta meningkatkan penggunaan semula bahan buangan, melaksanakan aktiviti kitar semula

dan seterusnya mengurangkan sampah ke tapak pelupusan. Orang ramai perlu berusaha mengurangkan sisa dengan menggunakan semula bahan sehingga tidak boleh digunakan lagi. Bagi bahan boleh dikitar semula, pengguna boleh bekerjasama dengan mengasingan sumber mengikut kategori seperti plastik, kaca, kertas dan aluminium.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan saya, ucapan terima kasih kepada penaja En Tan Teik Huat Pengurus Kilang Guppy Plastic Industries Sdn Bhd kerana sanggup bekerjasama dengan MPSP dalam program ini.

Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin kerana kesudian hadir ke Majlis Penyerahan Pokok Dan Pasu Bunga kepada peserta Anugerah Sekolah Hijau 2013 Daerah SPU pada petang ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.